

TARIKH : 4 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 24
SURAT

Peruntukan belanjawan 5 tahun akan datang diunjur RM2.238 trilion

24

Bisnes

Isnin, 4 Ogos 2025 BH

Peruntukan belanjawan 5 tahun akan datang diunjur RM2.238 trilion

Peningkatan 18.2 peratus berbanding RMK12 bersamaan purata belanjawan RM447.7b setahun

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kerajaan merancang untuk memperuntukkan sejumlah RM2.238 trilion bagi tempoh lima tahun akan datang di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), merangkumi perbelanjaan mengurus (OE) dan perbelanjaan pembangunan (DE).

TA Securities dalam satu nota penyelidikan berkata, angka itu peningkatan sebanyak 18.2 peratus berbanding RMK12, bersamaan dengan purata belanjawan sebanyak RM447.7 bilion setahun untuk fasa pembrokean pasaran itu, sejak 2024, belanjawan

tahunan telahpun melepasi paras RM400 bilion, dengan Belanjawan 2024 berjumlah RM407.5 bilion dan Belanjawan 2025 diunjurkan sebanyak RM421 bilion.

"Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh kenaikan 21.2 peratus dalam perbelanjaan mengurus (OE) kepada RM1.808 trilion, yang akan memecah purata RM361.66 bilion setahun, berbanding kurang daripada RM300 bilion setahun semasa tempoh RMK12," katanya.

Ia berkata, Belanjawan 2025 sahaja memperuntukkan RM335 bilion untuk OE, kenaikan yang berpunca terutama daripada komitmen lebih tinggi bagi emulmen, pencen dan program bantuan sosial, mencerminkan usaha berterusan kerajaan untuk menyokong isi rumah dan menangani peningkatan kos sara hidup.

Sementara itu, DE ditetapkan pada RM430 bilion di bawah RMK13, kira-kira tujuh peratus lebih tinggi berbanding RM400 bilion yang diperuntukkan semasa RMK12.

Ta Securities dengan purata tahunan sebanyak RM366 bilion bagi tempoh 2026 hingga 2030, sel-

ras dengan peruntukan di bawah Belanjawan 2025," katanya.

Menurut TA Securities, tiada projek baharu berskala besar yang diumumkan di bawah RMK13, sebaliknya tumpuan diberikan kepada meneruskan komitmen kepada infrastruktur sedia ada seperti Lebuhraya Pan Borneo (Sabah) dan Segmen 1 Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang, yang dijangka berjalan mengikut jadual.

Sasar sejuta unit rumah

Selain itu, katanya perumahan kekal sebagai keutamaan pembangunan utama di bawah RMK13, dengan penekanan yang kuat terhadap peluasan perumahan mampu milik dan skim perumahan awam bagi menangani cabaran pemilikan rumah dalam kalangan kumpulan B40 dan M40.

"Kerajaan menyasarkan pembinaan kira-kira sejuta unit rumah mampu milik antara 2026 hingga 2030 melalui pelbagai inisiatif seperti Program Residensi Madani dan Program Perumahan Perjawat Awam," katanya.

KML 13.06 dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 31 Julai lalu

menyediakan sejumlah RM611 bilion pelaburan strategik, merangkumi RM430 bilion peruntukkan kerajaan, RM120 bilion pembiayaan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) serta RM61 bilion melalui kerjasama awam-swasta (PPP).

Daripada jumlah itu, RM227 bilion diperuntukkan untuk sektor ekonomi, RM133 bilion bagi sektor sosial seperti pendidikan (RM67 bilion) dan kesihatan (RM40 bilion), RM51 bilion untuk keselamatan, manakala RM17 bilion bagi pentadbiran.

Menerusi pelan lima tahun itu juga, Kerajaan MADANI menasarak Malaysia muncul negara berpendapatan tinggi dan berada dalam kelompok 30 ekonomi utama dunia pada 2030, dengan sasaran KDNK berkembang 4.5 hingga 5.5 peratus setahun dan eksport kasar meningkat 5.8 peratus setahun.

Sementara itu, TA Securities berkata memandangkan RMK13 merupakan pelan jangka panjang dengan banyak butiran lanjut dijangka akan diperincikan melalui belanjawan tahunan yang

seterusnya ia tidak dijangka akan mencetuskan keterujaan pasaran secara serta-merta, seperti reaksi awal yang dilihat semasa pelancaran RMK11.

"Namun begitu, perkembangan serentak seperti pengurangan tarif AS boleh menyokong kenaikan awal, seiring dengan prestasi pasaran yang diperhatikan selepas pembentangan RMK12," katanya.

Selepas RMK12 dibentangkan, indeks FBM KLCI meningkat sebanyak 74.3 mata dalam tempoh 18 hari dagangan untuk ditutup pada 1,606.32.

Lonjakan ini sebahagian besarnya dipacu oleh sentimen optimis terhadap pembukaan semula ekonomi, disokong oleh kelonggaran sekatan perjalanan rentas negeri susulan pelonggaran langkah-langkah kawalan COVID-19.

Namun, momentum mula pudar menjelang akhir tahun apabila ketidadaan pemangkai yang jelas dalam Belanjawan 2022, ditambah pula dengan kebimbangan terhadap gangguan rantalan bekalan dan tenaga kerja global, peningkatan inflasi serta kadar faedah yang lebih tinggi.